

R
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

THE REASONS THAT ENCOURAGE STUDENTS OF A
SECONDARY SCHOOL IN THE NORTHERN PART OF KLANG
DISTRICT TO WORK : A CASE STUDY

Ahmad Subki bin Miskon

Project Paper To Be Submitted To The Education Faculty,
University Of Malaya As Part Of The Requirement For The
Degree Of Master In Education.

1999

PENGHARGAAN

Segala kesyukuran dan puji-pujian kepada Allah s.w.t. kerana Keberkatan dan kerahmatanNya tugas kajian ini disiapkan walaupun pengorbanan. Sepanjang proses menyiapkan kajian ini banyak pihak yang telah menghulur bantuan dan kerjasama yang rasanya tidak ternilai budinya.

Dengan itu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Tuan Hj. Ghazali bin Othman yang telah banyak meluangkan masa dan tenaga beliau untuk memberi bimbingan, dorongan, nasihat dan pandangan semasa proses penyediaan projek kajian ini.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor kerana telah memberi kebenaran untuk saya membuat kajian ini.

Tidak ketinggalan juga saya kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Klang yang memahami tugas dan sedia

memberi kerjasama yang saya perlukan. Begitu juga dengan rakan-rakan saya yang rasanya tidak sedikit bantuan yang diberi. Segala pandangan sama ada secara langsung atau tidak secara langsung, pemberian idea dan dokumen-dokumen yang diperlukan bukan sedikit budi untuk dinilai dengan wang ringgit. Tanpa ini tidak mungkin kajian ini dapat disempurnakan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Daim bin Mardan yang telah menghulur budi untuk mengedit kertas projek ini.

Kepada isteri saya Puan Robi'aete Hj Md Diah dan anak-anak saya Uwais, Umair dan Ulfa Umaira terima kasih kerana sentiasa memahami kesibukan ayah semasa ayah menyiapkan kajian ini. Pengorbananmu itulah yang menjadi perangsang untuk ayah mendapatkan pendidikan di peringkat sarjana ini. Tidak lupa juga kepada kedua-dua ayahanda, bonda serta adik-adik di atas sokongan moral yang diberi.

Akhir kata, saya mendoakan kehadiran Allah s.w.t. semoga segala pengorbanan dan bantuan yang dihulur akan diberi rahmat olehNya. Sekian terima kasih.

ABSTRACT

The aim of this is to identify the reasons why student work **before** Completing their secondary education. The subjects of the study are three student, one in form four and two in form five. The subjects were chosen based on their interests and personality criterion of the students concerned.

Data was obtained by using the ethnography method, though not in its entire form. This was due to the constraints of time and limitations of the study. Instead, the data was collected by participant observation, interviews and written documents. The data collected is compiled in a book and then processed using the Flow Model, which was forwarded by Miles and Huberman (1984).

The results of this study show that there are many reasons that encourage students to work. Beside the SES family factor, other reasons are the environment surrounding the home, family education, the desire to acquire branded items and motorcycles as well as a large family.

This study was carried out to find out the reasons why student's work. Even though the sample used was small, the study was carried out thoroughly and in detail. Thus, the study was comprehensive and suits its aim. The study of this small sample can also picture the real of students in the society.

Students who work are not a problem. When they work, many Family problems relating to money can be overcome. The study also found that the fathers of the students concerned have given their permission for them to work, with the hope that their children could help the family.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti sebab-sebab pelajar sekolah menengah bekerja selepas tamat waktu persekolahan. Subjek kajian ini terdiri daripada tiga orang pelajar iaitu seorang pelajar Tingkatan Empat dan dua orang pelajar Tingkatan Lima. Subjek dipilih berdasarkan minat dan kriteria personaliti pelajar tersebut.

Data yang diperolehi dengan menggunakan kaedah ethnografi tetapi tidak menggunakan kaedah ini secara total. Situasi ini dilakukan kerana tidak mungkin pengkaji menggunakan kaedah ini secara total disebabkan kekangan masa dan batasan kajian yang dilakukan. Sebaliknya dengan menggunakan penyertaan pemerhatian (participant observation), temubual dan penyemakan dokumen pelajar data-data ini dikumpulkan. Segala data yang diperolehi akan dituliskan ke dalam buku catatan. Data-data ini kemudian diproses menggunakan model Flow yang diketengahkan oleh Miles dan Huberman (1984).

Hasil kajian menunjukkan bahawa banyak sebab yang menyebabkan pelajar bekerja. Selain disebabkan faktor SES keluarga pelajar bekerja disebabkan oleh latar belakang tempat tinggal, pendidikan keluarga, kehendak memiliki barangan berjenama dan motosikal serta bilangan ahli keluarga yang ramai.

Kajian ini dijalankan untuk meninjau sebab pelajar bekerja. Walaupun sampel yang digunakan kecil iaitu sebanyak tiga orang tetapi kajian yang dijalankan mendalam dan sampel dikaji dengan teliti. Dengan ini hasil kajian menyeluruh dan bersesuaian dengan tujuan penyelidikan. Kajian bersampel kecil ini juga akan dapat menggambarkan situasi sebenar fenomena pelajar kepada masyarakat sebenar.

Pelajar bekerja sebenarnya sebenarnya bukanlah masalah. Apabila mereka bekerja sebenarnya banyak masalah keluarga terutama soal kewangan keluarga dapat diatasi. Daripada kajian yang dijalankan pelajar bekerja ini telah mendapat kebenaran dari bapa pelajar terbabit, dengan harapan apabila anaknya bekerja mereka akan dapat membantu keluarga.

KANDUNGAN

Penghargaan	i
Abstract	iii
Abstrak	v
Bab Satu -- Pernyataan Masalah	1
Tujuan Kajian	6
Soalan Kajian	7
Batasan Kajian	8
Kepentingan Kajian	9
Definisi Istilah	10
Bab Dua – Kajian Lampau	14
Tinjauan Kajian Lampau Perkaitan Antara Pendidikan dan Pekerjaan	16
Satu Perspektif Kajian Tentang Teori Pemilihan Kerjaya	17
Kajian Lampau Pertalian Antara Latar Belakang Remaja dan Pekerjaan	20
Bab Tiga – Kaedah Kajian	
Bagaimana Kajian Dijalankan?	31
Penyertaan Pemerhatian (Participant Observation)	31
Kajian Rekod	32

Temuduga	34
Bab Empat – Laporan Penyelidikan	36
Bab Lima – Perbincangan dan Rumusan	60
Konsep Remaja dan Pekerjaan	60
Rujukan	70
Lampiran-Lampiran	